



## **500 anggota Rela ditugaskan bantu PGA di sempadan**

Disember 15, 2022 @ 2:01pm

Putrajaya: Seramai 500 anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) akan ditugaskan membantu Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam penugasan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan negara.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, anggota Rela terbabit akan ditempatkan di sempadan negara di Sabah, Sarawak, Kelantan, Selangor dan Perlis.

"Selain pengetahuan undang-undang, anggota Rela terbabit juga dibekalkan dengan senjata api kerana kita mempunyai aset senjata dan (keupayaan) penyediaan latihan," katanya pada sidang media sempena Lawatan Rasmi Menteri Dalam Negeri ke Ibu Pejabat Rela di sini, hari ini.

Sebelum ini, seramai 90 anggota Rela sudah terbabit dalam projek rintis membantu PGA bagi penugasan itu sejak November 2020.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata, bagi kesiapsiagaan Monsun Timur Laut (MTL), seramai 188,303 anggota Rela ditugaskan menjalankan rondaan dan penugasan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Pahang, Perak, Kelantan dan Johor, bermula 15 Oktober sehingga semalam.

Katanya, bagi Disember tahun ini, tambahan seramai 6,248 anggota Rela pula akan terbabit dalam penugasan di PPS dan rondaan serta pemantauan MTL di seluruh negara.